

18 Timbalan Naib Canselor UA sokong Maszlee

Kuala Lumpur: Seramai 18 Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Awam (UA) semalam, sependapat yang Dr Maszlee Malik sudah menjalankan tugas sebagai Menteri Pendidikan, dengan baik dan penuh bertanggungjawab.

Dalam kenyataan bersama, mereka menyatakan, undian dibuat sebuah portal berhubung cadangan pengguguran menteri perlu dipertikai dan menyifatkan ia berniat jahat untuk menjatuhkan kredibiliti Maszlee.

“Kami secara spesifik merujuk undian yang meletakkan Maszlee

sebagai menteri paling tidak popular dan wajar digugurkan jika berlaku rombakan Kabinet.

“Kami semua, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UA sebulat suara mempertikaikan dan menolak keputusan undian portal itu dan percaya ia mempunyai motif dan niat jahat untuk menjatuhkan kredibiliti Dr Maszlee,” kata mereka, semalam.

Kumpulan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UA itu turut menyatakan sokongan penuh kepada Maszlee sebagai Menteri Pendidikan

“Kami berharap undian dan tu-

lisan yang cuba menjejaskan kredibiliti beliau tidak akan mempengaruhi apa-apa keputusan Perdana Menteri,” kata mereka.

Timbalan Naib Canselor yang memberi sokongan itu adalah Prof Madya Dr Mohd Afandi Salleh (Universiti Sultan Zainal Abidin/UNISZA); Prof Ir Datuk Dr Othman A Karim (Universiti Kebangsaan Malaysia/UKM); Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin (Universiti Malaysia Pahang/UMP); Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan (Universiti Malaysia Perlis/UniMAP); Assoc Prof Dr Zulkifli Hasan (Universiti Islam Antarabang-

sa Malaysia/ UIAM); Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Raman (Universiti Malaya/UM); Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman (Universiti Putra Malaysia/UPM); Prof Madya Dr Afandi Ahmad (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia/UTHM); Prof Madya Dr Hendrik Lamsali (Universiti Utara Malaysia/UUM); Prof Dr Aldrin Abdullah (Universiti Sains Malaysia/USM); Prof Dr Azizan Abdullah (Universiti Teknologi MARA/UiTM); Prof Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani (Universiti Sains Islam Malaysia/USIM); Leftenan Kolonel Prof Dr Zaliman Sauli (Universiti Ma-

laysia Kelantan/UMK); Prof Madya Dr Raman Noordin (Universiti Malaysia Sabah/UMS); Mejar Prof Ts Dr Muhd Zuazhan Yahya (Universiti Pertahanan Nasional Malaysia/UPNM); Prof Dr Durrishah Idrus (Universiti Teknologi Malaysia); Prof Madya Dr Nurul Fajar (Universiti Teknikal Malaysia Melaka) dan Prof Dr Md Amin Md Taff (Universiti Pendidikan Sultan Idris/UPSI).

Dr Othman ketika dihubungi *BH*, berkata semua Timbalan Naib Canselor sepakat membuat kenyataan itu kerana berasaskan tidak adil terhadap Maszlee.